

13 APR 2000

Kadir-Doha

KEKURANGAN PENERBANGAN KE M'SIA SUKARKAN PELANCONG BAHRAIN DAN QATAR

Oleh: Muammar Kamarudin

DOHA (QATAR), 13 April (Bernama) -- Kekurangan penerbangan ke Malaysia merupakan antara masalah yang dialami oleh para pelancong dari Bahrain dan Qatar untuk berkunjung ke Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

"Pada musim panas yang bermula dari Mei hingga Sept, mereka (agensi-agensi pelancongan) sukar mendapat penerbangan ke Malaysia walaupun menerusi Dubai," katanya kepada Bernama di ibu negara Qatar (Doha) selepas melawat Bahrain semalam.

Kebanyakan pelancong dari Bahrain dan Qatar bercuti sepanjang lima bulan itu setiap tahun kerana musim panas di tanah Arab dan meneruskan penerbangan ke Malaysia menerusi Dubai di Emiriyah Arab Bersatu.

Abdul Kadir mengetuai misi penggalak pelancongan di Asia Barat bermula dari 5 hingga 19 April ini rombongan beliau disertai oleh exco pelancongan dari negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Melaka dan Perlis serta para pegawai daripada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Delegasi itu telah menamatkan lawatannya di tiga buah negara iaitu Arab Saudi, Kuwait, Bahrain dan hari ini berada di Qatar sebelum meneruskan lawatan ke Mesir, Oman dan UAE.

Abdul Kadir berkata akibat kesukaran mendapatkan penerbangan ke Malaysia, sesetengah pelancong dari Qatar dan Bahrain menukar fikiran mereka daripada melancong ke Malaysia dan memilih destinasi lain seperti Thailand atau Singapura.

Bagaimanapun, beliau berkata ada di antara para pelancong kedua-dua buah negara itu yang pergi ke Bangkok sebelum meneruskan penerbangan mereka ke Malaysia.

Menerusi lawatan semalam dan selepas menemui agensi-agensi pelancongan serta para pemimpin tempatan, Abdul Kadir berkata sesetengah penduduk Bahrain yang berjumlah kira-kira 600,000 orang mulai sedar bahawa Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang sangat menarik.

Beliau berkata: "Saya akan berunding dengan Penerbangan Malaysia (MAS) agar dapat menambah jumlah penerbangan ke Dubai pada musim panas ini."

Menurutnya jika boleh, penerbangan Kuala Lumpur-Dubai-Kuala Lumpur dapat singgah di Kuwait, Bahrain, Riyadh (Arab Saudi) dan Doha (Qatar) untuk mengambil para penumpang.

Abdul kadir berkata: "Jika ini tidak dapat dilakukan, saya akan mengaturnya perjumpaan antara MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan lain supaya kadar tambang istimewa dapat diatur untuk penerbangan sambungan dari Kuwait, Bahrain, Riyadh dan Arab Saudi ke Malaysia."

Sementara itu dalam lawatan ke Bahrain pada hari Rabu, Abdul Kadir telah melakukan kunjungan hormat ke atas perdana menteri Bahrain, Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa dan juga menteri penerangannya Ali Al-Mutaawar.

Dalam pertemuan itu, Abdul Kadir berkata Sheikh Khalifa yang pernah bercuti di Malaysia dua tahun lepas berasa kagum dengan pencapaian Malaysia, khususnya pencapaian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak melahirkan ilham untuk beliau (Sheikh Khalifa) memajukan Bahrain.

Abdul Kadir berkata beliau yakin bahawa kedatangan para pelancong dari Bahrain akan bertambah dengan pesatnya pada tahun ini dan lebih-lebih lagi pada musim panas akan datang.

Bagaimanapun, Abdul Kadir berkata beliau tidak dapat bertemu para pemimpin tertinggi Qatar lain kerana mereka bercuti hujung minggu hari ini dan esok (Khamis dan Jumaat).

Abdul Kadir bagaimanapun sempat menemui ketua pegawai eksekutif Qatar Airways, Akhbar Al-Baker di pejabatnya di sini.

Qatar Airways telah berjanji untuk mengunjungi pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di Kuala Lumpur untuk mendapatkan pakej-pakej pelancongan ke Malaysia, katanya.

Beliau juga berkata:"Saya akan cuba menghubungi MAS supaya mengurangkan kadar tambang antara Bangkok ke Kuala Lumpur sebanyak mungkin."

Di Doha, Abdul Kadir sempat melawat pusat membeli-belah di sini dan mendapat beberapa idea untuk memperhebat dan mempercepatkan lagi usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah antara bangsa yang unggul.

-- BERNAMA

MK LAT